

# PM tidak mahu hanya bandar saja bersih

UM 4 MAY 1985

KUALA LUMPUR 3 Mei - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu melihat seluruh negara dan tidak hanya di bandar - bandar besar sahaja yang bersih dan indah kerana kebersihan melambangkan maruah dan identiti sesebuah negara.

Perdana Menteri juga mahu supaya bandar - bandar di negara ini mempunyai identiti tersendiri dan tidak merupakan 'salinan' daripada bandar - bandar di Eropah atau Amerika Syarikat.

Berucap di hadapan lebih 200 ahli Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan penuntut-penuntut seni-bina Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, beliau berkata, rakyat perlu menyedari bahawa proses pelajaran untuk menghargai kebersihan dan keindahan perlulah dipupuk kepada generasi muda, khususnya anak - anak yang masih kecil.

Perdana Menteri juga membidas sikap penduduk - penduduk setingan di pinggir sungai yang masih menganggap sungai sebagai tempat membuang sampah sarap dan kotoran.

Kerajaan, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, tidak mahu mengusir para setingan tetapi mereka mestilah

sanggup berpindah ke tempat yang lebih selesa dan bagi membolehkan usaha membersihkan dan mengindahkan sungai berjalan dengan lancar.

"Bukanlah niat kita hendak menimbulkan masalah kepada setingan tetapi mereka harus menyedari hakikat bahawa sungai - sungai di Kuala Lumpur sedang dalam proses pengindahan dan tindakan mereka boleh menjejaskan usaha - usaha tersebut," katanya.

Beliau juga mahu supaya bandar - bandar di negara ini mempunyai identiti tersendiri dan tidak merupakan 'salinan' daripada bandar - bandar di Eropah atau Amerika Syarikat.

Menurutnya, ramai pelancong yang menginap di hotel - hotel di negara ini tidak dapat membezakan keadaan dengan bandar - bandar lain seperti Tokyo, New York, Chicago atau London kerana keadaannya hampir serupa.

Beliau menyatakan, senibina bangunan negara ini perlu melambangkan identiti Malaysia yang mempunyai banyak ciri tradisional yang unik.